

12 JUN 1996

KERAJAAN JOHOR TIDAK UBAH TARAF TANAH RIZAB MELAYU

JOHOR BAHRU, 12 Jun (Bernama) -- Kerajaan Johor tidak akan mengubah taraf tanah rizab Melayu terutama yang terletak di kawasan bandar bagi menjaga kepentingan golongan itu.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata pembangunan tanah rizab Melayu hanya dibenarkan untuk kepentingan masyarakat Melayu bagi memastikan orang Melayu tidak menjadi masyarakat terpinggir.

Beliau berkata sekalipun tanah rizab Melayu digantikan dengan tanah yang baru, ia tidak begitu bernilai kerana lokasinya yang jauh dari bandar dan tidak begitu sesuai.

"Tanah rizab Melayu hanya akan diambil untuk kepentingan awam dengan pemiliknya diberi peluang berbincang dengan kerajaan mengenai pengambilalihan itu," katanya kepada pemberita selepas Rancangan Face to Face anjuran TV3 di sini hari ini.

Mengenai perlantikan Datuk Seri Sanusi Junid sebagai Menteri Besar Kedah yang baru, Ghani berkata ia menunjukkan kelebihan Barisan Nasional (BN) dalam menangani masalah pentadbiran kerana pemimpin bersilih ganti tetapi dasar dan konsepnya diteruskan.

Beliau berkata adalah harapan rakyat untuk melihat perubahan ke arah kebaikan dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengambil kira faktor itu.

"Perlantikan itu merupakan kelebihan BN kerana ia tidak terputus daripada segi kepimpinan dan terus menjalankan dasar yang sama," kata beliau. -- BERNAMA

MH FAZ